ABDUL RAHMAN MOHAMAD SIDEK



Haji Abdul Rahman Sidek (lahir pada 20 September 1965 di Banting, Selangor) merupakan Jurulatih Kelab Badminton Nusa Mahsuri dan Ketua Jurulatih Program Pembangunan Badminton Junior Usahasama Majlis Perbandaran Petaling Jaya / Kelab Badminton Nusa Mahsuri. Beliau pernah menjadi Juara Beregu Lelaki Terbuka Kanada; Juara Beregu Lelaki Terbuka Jerman; Naib Juara Berpasukan Piala Thomas; Juara Beregu Lelaki Terbuka Perak dan Juara Berpasukan Piala Thomas (1992).

Rahman ketika disekolah mempunyai pencapaian yang hebat tetapi beliau sentiasa dibayangi oleh abang-abangya Misbun, Razif dan Jalani kerana perbezaan umur yang tidak terlalu jauh. Namun begitu Rahman berjaya juga menjuarai beberapa kejohanan sekolah-sekolah Malaysia dalam acara beregu. Pada tahun 1977, Rahman pernah mucul juara perseorangan bawah 12 tahun Majlis Sukan-Sukan Malaysia (MSSM) , selain muncul juara bawah 18 tahun berpasangan bersama adiknya Rashid.



Rahman dan Rashid (duduk sebeleh kiri) bersama ibu bapa tercinta.



Rahman berehat sebentar bersama Razif , Tan Kim Har setelah penat berlatih sebelum menghadapi Kejuaraan Piala Thomas 1992.

Rahman yang juga dikenali sebagai Aman, merupakan seorang pemain yang mempunyai displin dan semangat yang tinggi sehinggakan Rahman juga salah seorang pemain simpanan yang dibawa oleh jurulatih ketika Malaysia memenangi Piala Thomas 1992 bersama adik beradiknya yang lain.

PENCAPAIAN

1988
Juara Bergu Lelaki Terbuka Swiss
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka Kedah (local)

1989
Juara Berpasukan Sea Games
Pingat Perak Bergu Lelaki Sea Games
Naib Juara Bergu Lelaki Terbuka Pahang (local)

1990
Juara Bergu Lelaki Terbuka Kanada
Juara Bergu Lelaki Terbuka Jerman
Naib Juara Berpasukan Piala Thomas
Juara Bergu Lelaki Terbuka Perak (local)

1992 **Juara Berpasukan Piala Thomas**



Rahman mula menjadi jurulatih pada tahun 1993

2006
Anggota Jurulatih
Sukma Negeri Selangor

2008
Anggota Jurulatih
Sukma Negeri Selangor

2009
Anggota Kejurulatihan Kem Bakat Badminton
KBS-Nusa Mahsuri peringkat Kebangsaan [2009]
Ketua Jurulatih skuad Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI)